

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS  
[ TELOK KEMANG - PKR ]**

**TARIKH : 26 MEI 2016 ( KHAMIS )**

**SOALAN (NO. 123)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan rancangan dan tumpuan Kementerian terhadap sukan-sukan yang telah mencapai kejayaan di peringkat antarabangsa dan secara langsung telah mengharumkan nama negara.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Transformasi sukan negara telah diumumkan pada bulan Februari 2015 yang lalu dimana Model Sukan Baharu serta pengstrukturannya semula program latihan Majlis Sukan Negara (MSN) dan Institut Sukan Negara (ISN) dilaksanakan. Atlet-atlet terbaik di kalangan yang terbaik akan menumpukan latihan untuk memenangi pingat emas di temasya Sukan Komanwel, Asia dan Olimpik melalui 'Program PODIUM' yang dikendalikan oleh Institut Sukan Negara (ISN). Manakala Majlis Sukan Negara bertanggungjawab dalam membentuk bakat-bakat sukan di seluruh negara bagi menghasilkan lebih ramai atlet baru yang menumpukan kepada kejayaan di peringkat Asia Tenggara (Sukan SEA) khususnya melalui Program KITA JUARA 2017.
2. Bagi perancangan jangka pendek, peningkatan bilangan atlet yang layak ke Sukan Olimpik Rio 2016 melalui Program Podium menjadi objektif utama. Persiapan rapi sedang dibuat oleh Institut Sukan Negara dari segala aspek latihan, pertandingan dan aspek sains dan perubatan sukan dalam menyiapkan atlet negara bagi menyertai kejohanan Olimpik 2016.
3. Kementerian menjangkakan jumlah atlet yang berkelayakan untuk Olimpik 2020 di Tokyo akan meningkat. Keputusan prestasi atlet dijangka akan berada tahap terbaik setiap tahun dan keberkesanaan

**SULIT**

## **SULIT**

program ini dapat dilihat pada Sukan Asia 2018, Sukan Komanwel 2018 hingga ke Sukan Olimpik 2020.

4. Di samping itu, Program Podium memfokuskan kepada pemilihan pertandingan yang bertaraf antarabangsa, sistem pengurusan data atlet yang sistematik serta menyediakan satu pelan perancangan jangka panjang.
5. Dalam masa yang sama, Kementerian telah pun melancarkan *blueprint* pelan pembangunan sukan Negara 2015 - 2023 semasa Simposium Pembangunan Sukan Negara pada 8 September 2015 dalam merealisasikan hasrat negara melahirkan jaguh-jaguh atlet di peringkat antarabangsa. Pelan ini bukan sahaja memberikan penekanan utama kepada pengurusan atlet, kemudahan latihan, pengurusan jurulatih serta pengurusan kejohanan akan tetapi 'empowerment' untuk memperkukuhkan lagi struktur organisasi pemegang taruh yang terlibat khususnya persatuan sukan kebangsaan dan negeri agar Model Baharu Sukan Negara lebih kukuh bagi melahirkan lebih ramai atlet berwibawa pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.